

A. Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

hingar-bingar	inca-binca	julung-julung	agar-agar	hukum-hakam
sekuat-kuat	terkebil-kebil	corat-coret	sehabis-habis	Rempah-ratus

1. Fikirannya _____ apabila mengenangkan nasibnya yang tidak menentu itu.
2. Sebelum melakukan sesuatu perkara, kita mestilah mengetahui _____ nya.
3. Inilah _____ kalinya sekolah ini menjadi juara dalam pertandingan itu.
4. Semua _____ yang dibeli oleh ibu dibuat kuih lengkung.
5. Suasana _____ di pasar malam itu dapat didengar dari jauh.
6. Walaupun dia telah berusaha dengan _____ daya dan ikhtiar, dia gagal untuk menyelamatkan suaminya daripada hukuman itu.
7. _____ dalam perniagaan yang diceburinya selama ini merupakan sesuatu yang paling berharga dan banyak mengajarnya untuk menempa kejayaan.
8. Apabila menyedari peluang masih ada, dia berlari _____ hatinya ke garisan penamat.
9. Lukisan _____ itu merupakan satu gambaran kehidupannya secara abstrak yang penuh dengan cabaran dan dugaan.
10. Apabila melihat kami datang, anak-anaknya tercengang sambil mata mereka _____.

B. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang **berhuruf condong** dengan betul.

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Semasa persandingan diadakan, pengantin perempuan rebah-rempah setelah dikatakan terkena buatan orang. Tiada kesalahan.

A
B
C

D
☐
- 2 Ibu berleter kerana banyak pembalut gula bersepah di atas lantai. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

☐
- 3 Semua kanak-kanak kelihatan riang gembira menjelang sambutan hari raya. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

☐
- 4 Penonton perlawanan bola sepak itu saling tolak-menolak ketika keluar dari stadium. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

☐
- 5 Semua calon-calon PT3 2020 dikehendaki mengambil keputusan peperiksaan masing-masing selepas jam 12.00 tengah hari. Tiada kesalahan.

A
B
C

D
☐

Isikan jawapan di dalam kotak yang diberikan

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 1 I Tiang rumah itu *berdegar-degar* apabila tukang rumah memasang pasak pada bahagian gelegarnya.
II Denyutan jantungnya *berdegar-degar* ketika dia menamatkan larian itu.
III Usahlah kamu mendengar percakapannya yang *berdegar-degar* itu kerana apa-apa yang diperkatakannya sukar dipercayai.
IV Lantai rumahnya *berdegar-degar* apabila adik berlari-larian di atasnya.

A I dan II

C I dan III

B III dan IV

II dan IV

☐

- 2 I Pihak musuh sentiasa berusaha untuk menimbulkan *huru-hara* di negara kita.
II Keadaan menjadi *huru-hara* apabila bas yang membawa murid-murid sekolah itu terbabas.
III Bapa melarang abang supaya tidak *huru-hara* ke sana ke mari dengan kawan-kawannya pada waktu malam.
IV Keadaan menjadi *huru-hara* apabila orang-orang kampung cuba menyelamatkan harta benda semasa kebakaran berlaku.

A I dan II

C I dan III

B III dan IV

D II dan IV

☐

- 3 I Remaja yang sedang bersembang itu ketawa *berderai-derai*.
II Manik-manik itu jatuh *berderai-derai* di atas lantai.
III Orang itu memang angkuh kerana cakap *berderai-derai* sedangkan dia tidak mempunyai apa-apa pun.
IV Orang ramai *berderai-derai* keluar dari stadium sebaik-baik sahaja perlawanan tamat.

A I, dan III

C II, III dan IV

B I, II dan III

D I, II, III dan IV

☐

- 4 I Walaupun umurnya semakin meningkat, tidak kelihatan *kerut-merut* pada wajahnya.
II Fikirannya *kerut-merut* apabila memikirkan masalah yang menimpanya.
III Orang itu sangat sukar dipercayai kerana kata-katanya yang *kerut-merut*.
IV Lelaki itu memakai pakaian yang *kerut-merut* ketika pergi bekerja.

A I dan II

C I, II dan III

B III dan IV

D II, III dan IV

☐

- 5 I Feri ke Langkawi itu dilambung ombak yang *beralun-alun* yang menyebabkan semua penumpang kecut perut.
II Jalan yang menuju ke taman itu *beralun-alun* hingga menyebabkan kenderaan tidak boleh dipandu laju.
III Suara azan pada waktu subuh yang *beralun-alun* itu kedengaran ke seluruh kampung itu.
IV Mereka terpegun oleh *beralun-alun* suara penyanyi wanita yang merdu itu.

A I dan II

C I, II dan III

B III dan IV

D II, III dan IV

☐